

17/01/2001

Kolej pertanian dibina pertengahan tahun ini

ALOR STAR, Selasa - Kolej Pertanian yang dicadang dibina di Kubang Pasu, dekat sini mampu menyediakan 100,000 tenaga mahir pelbagai bidang pertanian dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Pada peringkat awal, kolej itu menawarkan kursus diploma dan dinaikkan taraf ke peringkat ijazah selepas beberapa tahun beroperasi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju cadangan pembinaan kolej bernilai RM120 juta itu dikaji oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri.

Menteri Pertanian, Datuk Dr Mohd Effendi Norwawi berkata, jika diluluskan, kolej berkenaan akan dibina pertengahan tahun ini.

Bagi tujuan itu, kementerian mencadangkan kawasan berhampiran Pusat Penyelidikan Buah-buahan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) di Bukit Tangga, dekat Bukit Kayu Hitam sebagai lokasi kolej.

Bagaimanapun, ia bukan pesaing kepada Universiti Putra Malaysia (UPM), sebaliknya pelengkap usaha kerajaan melahirkan tenaga mahir dalam sektor pertanian.

Menurutnya, bagi mengelakkan ia bertindan dengan UPM, universiti itu sedang mengubah suai kursus yang ditawarkannya sejajar keperluan sumber manusia dalam bidang pertanian.

"Satu universiti yang menyediakan kursus dalam bidang pertanian tidak cukup. Negara memerlukan lebih ramai tenaga pakar dalam sektor ini," katanya selepas menyampaikan cek bantuan petani mangsa banjir, di ibu pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), di sini hari ini.

Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM1.93 juta kepada 6,000 petani yang kerugian apabila 6,740 hektar sawah musnah akibat banjir ketika musim penanaman kedua pada 1999 dan tahun lalu.

Daripada jumlah itu, RM1.4 juta diperuntukkan kepada petani Mada, manakala RM529,308 di luar kawasan Mada. Bantuan disalurkan melalui 17 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Mada dan satu PPK di luar Mada.

Mengenai penggunaan benih padi varieti MR219 yang dilancarkan minggu lalu, Effendi berkata, berdasarkan kejayaan di Projek Barat Laut Selangor, projek perintis akan dilaksanakan di kawasan 800 hektar di Pendang dan Kodiang pada musim penanaman pertama, Mac ini.

"Kita perlu menunjukkan contoh kejayaan penggunaan benih dulu sebelum diperluas kepada petani lain secara evolusi. Kementerian berharap penggunaannya mampu meningkatkan hasil sehingga 10 tan sehektar," katanya.

(END)